



Untuk Terbitan Media

1 Julai 2024

SIARAN MEDIA

WARIS WARTAWAN HIBURAN VETERAN HUZZ LAYAK FAEDAH PERKESO ALERT: PENCEN PENAKAT LEBIH RM1,000 SETIAP BULAN SEUMUR HIDUP

AMPANG – Ibu kepada wartawan hiburan veteran Kamal Huzaini Kamaludin menerima faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Pengarah Negeri PERKESO Kuala Lumpur, Mohamad Asri Ngosman, semakan oleh PERKESO telah mengesahkan Allahyarham Kamal Huzaini yang mesra dipanggil Huzz, 58 tahun merupakan seorang pencarum yang berdaftar di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan berikutan itu ibunya layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Pencen Penakat bawah Skim Keilatan.

Huzz yang pernah berkhidmat sebagai wartawan di Utusan Melayu (Malaysia) Berhad sejak tahun 1993 hingga 2019 telah disahkan menghidap barah usus tahap empat dan dilaporkan kesihatannya semakin merosot sejak Mac lalu.

"Rekod PERKESO juga mendapati arwah pernah membuat permohonan tuntutan Pencen Ilat di bawah Skim Keilatan Akta 4 pada 27 Mei lalu, namun kes permohonan tidak sempat dibawa ke sidang Jemaah Doktor selepas Huzz disahkan meninggal dunia pada 8 Jun lepas sekitar jam 6.30 petang.

"Meskipun permohonan Pencen Ilat tidak sempat diproses, namun rekod caruman PERKESO yang dibuat bukan perkara sia-sia. Buktinya waris Allahyarham didapati layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000 secara sekali bayar. Sementara itu, Pencen Penakat sebanyak RM1,027.00 setiap bulan yang dibayar

seumur hidup diberikan kepada ibunya Noor Hamid, 79 tahun. Ibu arwah Kamal Huzzaini akan menerima pencen berkenaan setiap bulan, sehingga ke akhir hayat,” ujar beliau.

Waris keluarga arwah Huzz merupakan antara penerima terawal yang menerima peningkatan jumlah bayaran FPM daripada RM2,000 kepada RM3,000 selepas pindaan ini dikuatkuasakan pada 1 Jun lalu.

Sesi Ziarah Prihatin bersama Skwad PERKESO Prihatin (SPP) Kuala Lumpur telah hadir ke rumah keluarga arwah Huzz pada Isnin, 1 Julai. Kamal Huzzaini merupakan bekas pengarang majalah hiburan di Utusan Melayu (M) Berhad dan popular menerusi ruangan Sensasi Huzz di sisipan Pancaindera, Mingguan Malaysia pada era kegemilangan akhbar berkenaan. Beliau juga merupakan anak kepada legasi dunia kewartawanan popular tanahair, Allahyarham AR Kamaluddin.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan *‘leaves no one behind’*. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

1 Julai 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my